



FALSAFAH DAN ISU SEMASA (UHS1022)  
SEKSYEN 39/KUMPULAN 1

# FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA



Alieya Zawanie Binti A Zaini (A21EC0156)  
Sarah Wardina binti Rafidin (A21EC0128)  
Oon Yee Sem (A21EC0122)  
Muhammad Zakwan Zakirin (B21EC0039)  
Veron Woon (A21EC0236)  
Kee Shin Pearl (A21EC0190)



# SOALAN

1. Apakah FPN/FPK masih relevan pada abad ke-21?
  2. Bagaimanakah FPN/FPK dan Malaysia menyumbang kepada pendidikan dunia?
  3. Sejauh manakah FPN/FPK relevan dengan IR4.0?
-

## Apakah FPN\FPK masih relevan pada abad ke-21?

---

FPK (1988) adalah dasar pendidikan negara yang relevan pada abad ke-21 dan juga dalam jangka masa yang panjang. Hal ini demikian kerana, dasar pendidikan negara ini berasaskan kemajuan diri yang berpaksikan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. FPK menerapkan empat aspek utama yang diutamakan dalam keseimbangan diri individu iaitu dari segi jasmani, intelek, emosi dan rohani. Oleh itu, semua aktiviti di Malaysia yang berasaskan pendidikan haruslah selaras dengan FPK agar dapat melahirkan insan yang menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara. Warga pendidik di Malaysia perlulah memahami isi kandungan falsafah ini agar proses pengajaran dan pembelajaran berada pada landasan yang tepat. FPK mampu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dalam membentuk kesejahteraan diri dan dasar ini akan kekal relevan dalam jangka masa yang panjang.

## Bagaimanakah FPN/FPK dan Malaysia menyumbang kepada pendidikan dunia?

---

FPN/FPK melahirkan ramai guru dan pensyarah yang bermutu tinggi kepada pendidikan dunia dengan menghantar mereka untuk bertugas di universiti luar negara. Selain itu, FPN/FPK juga menyumbang kepada perkembangan pengetahuan dunia dengan menyertai pelbagai jenis aktiviti-aktiviti seperti persidangan akademik dan projek kajian. Di samping itu, FPN/FPK telah menyediakan pelan pendidikan yang lengkap dan berkualiti tinggi melalui universiti-universiti kepada para mahasiswa yang datang dari luar negara untuk menuntut pelajaran. Seterusnya, FPN/FPK dan Malaysia menyumbang dalam aspek budaya sekolah. Contohnya, murid dapat berinteraksi bebas bersama murid dan guru, murid aktif terlibat dalam aktiviti sekolah serta guru sekolah boleh melaksanakan kerja secara adil juga dedikasi. Akhirnya, sumbangan FPN/FPK dan Malaysia ialah membangunkan modal insan yang seimbang dari pelbagai aspek. Hal ini demikian kerana pendidikan secara berterusan dapat dipupuk, potensi dan keupayaan yang dimiliki oleh setiap individu dapat diberi tumpuan lalu dikembangkan.

## Sejauh manakah FPN/FPK relevan dengan IR4.0?

---

Apakah IR4.0? *The Fourth Industrial Revolution* menjelaskan Revolusi Industri Keempat yang ditandai dengan kemunculan *supercomputer*, robot pintar, kendaraan tanpa pengemudi, suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia lebih memaksimalkan fungsi otak.

Oleh itu, kemunculan FPN/FPK telah bersedia untuk melahirkan intelektual dalam arus kemajuan teknologi, IR4.0. Berikutan itu, terdapat beberapa faktor untuk menyokong pernyataan di atas:

1. FPK berhasrat untuk memupuk insan seimbang dan harmonis melalui kesepaduan secara berterusan.
2. Kesepaduan serta keseimbangan harmonis tersebut merujuk kepada empat aspek utama yang menyentuh asas jasmani, intelek, rohani dan emosi (JIRE).
3. Asas utama kesepaduan JIRE untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis adalah berpaksikan kepercayaan dan kepatuhan Tuhan.
4. FPN/FPK mampu untuk memberi lebih banyak peluang pekerjaan baru.
5. Kemahiran amali serta praktikal memainkan peranan penting kerana IR4.0 berteraskan teknologi.
6. Kecanggihan IR4.0 dalam FPN/FPK mampu melahirkan insan yang seimbang dengan lebih mudah.

Tamat



Terima Kasih